

Newspaper	Berita Harian
Date	22 October 2015

Keputusan 'sukar' capai bajet seimbang

BH-22/10/2015

» *Mansuh subsidi bahan api, perkenal GST tingkat daya saing negara: PM*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan terpaksa membuat keputusan 'sukar', termasuk memansuhkan subsidi bahan api dan memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi membolehkan negara merealisasikan bajet seimbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, walau-

pun sedar ia tidak disukai, ia antara keputusan paling sukar bagi menggalakkan daya saing serta meningkatkan asas per-cukaian secara ketara untuk meneruskan transformasi.

Yakin capai bajet seimbang

"Seperti sasaran, kita yakin menjayakan bajet seimbang, atau hampir (mencapainya) mungkin dalam tempoh terdekat, pada tahun 2020," katanya berucap pada Forum Transformasi Global di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Dalam merealisasikan sasaran itu, Najib berkata beberapa keputusan sukar perlu diambil, termasuk memansuhkan subsidi bahan api dan pelaksanaan GST, pada April lalu.

Katanya, strategi perlu di-

susun semula bagi memastikan objektif dan hasrat negara kekal teguh serta mengekalkan wawasan jangka panjang bagi Malaysia dalam kekangan ekonomi global semasa.

Beliau berkata, penurunan harga minyak dan komoditi, jangkakan peningkatan kadar faedah oleh Amerika Syarikat serta penyusutan nilai mata wang yuan, menyukarkan negara da-

gangan seperti Malaysia. "Pelaburan semakin berkurangan. Saignan untuk pelabur global semakin meningkat dan ekonomi kita dalam kedudukan bahaya terperangkap dalam

kedudukan pendapatan sederhana. Perlu ada enjin pertumbuhan dan pencergasan," katanya.

Negara juga perlu keluar da-

ripada perangkap pendapatan sederhana untuk meneruskan matlamatnya menjadi negara berstatus pendapatan tinggi pada tahun 2020 dengan menggalakkan pertumbuhan, dan pada masa sama mengurangkan ketidakcekapan tanpa berkompromi ke atas taraf hidup yang memerlukan transformasi.

Defisit fiskal susut

Beliau berkata, defisit fiskal Malaysia melalui momentum positif-setiap tahun sejak bermula Program Transformasi Nasional pada 2010, susut kepada 3.4 peratus tahun lalu, berbanding 6.7 peratus pada tahun 2009, permulaan tahun pelaksanaan transformasi.

"Pelan transformasi nasional yang meliputi Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi, membantu menangani pembangunan luar bandar, pengangkutan awam bandar dan membantu isi rumah berpendapatan rendah.

"Ini menjadi inti pati transformasi kita serta mesti berkekalan dan terangkum. Kita mahu semuanya dikongsi bersama, kerana transformasi untuk semua rakyat," katanya.

